

B 9765 AAB
MAHATHIR - DADAH

KUALA TERENGGANU, 3 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA SETIAP SEKOLAH PERLU MENGADAKAN SATU BADAN BAGI MENGAWAL PARA PELAJAR DARIPADA TERJERUMUS KE DALAM KEGIATAN PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH.

KATANYA, PARA PELAJAR BOLEH BEKERJASAMA DENGAN MENYAMPAIKAN MAKLUMAT MENGENAI RAKAN-RAKAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN ITU KEPADA PIHAK SEKOLAH.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH BUKIT TUNGGAL, DEKAT SINI, BELIAU BERKATA SEKOLAH HARUS MENGANGGAP INI SEBAGAI BENTENG BAGI MENCEGAH PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH DI KALANGAN PARA PELAJAR.

KATANYA, SEKOLAH HENDAKLAH MEMBERIKAN PERHATIAN BERAT TERHADAP MASALAH NAJIS DADAH DENGAN MEMBEKALKAN MAKLUMAT YANG CUKUP KEPADA PARA PELAJAR MENGENAI KEBURUKAN DAN BAHAYA PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH.

PERDANA MENTERI, YANG TIBA DI SINI UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE TERENGGANU, BERKATA PENAGIH-PENAGIH NAJIS DADAH DIANGGAP SEBAGAI BANGKAI BERNYAWA YANG TIDAK BERGUNA KEPADA MASYARAKAT DAN AGAMA.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PELAJAR SUPAYA JANGAN SEKALI-KALI CUBA MENGAMBIL NAJIS DADAH KERANA IA AKAN MENYEBABKAN MEREKA MENAGIH DAN TABIAT ITU AKAN MENGAKIBATKAN MEREKA MELAKUKAN PELBAGAI PERKARA BURUK, TERMASUK MENCURI BAGI MENDAPATKAN WANG UNTUK MEMBELI NAJIS DADAH. -- LAGI

1959MST 03 10 87

B 9766 AAB
MAHATHIR - DADAH 2 KUALA TERENGGANU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MUNGKIN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH DI KALANGAN PELAJAR MENJADI BEBANAN KEPADA GURU-GURU DAN PIHAK-PIHAK LAIN TETAPI IA MERUPAKAN SATU TUGAS YANG PERLU DIPIKUL OLEH MEREKA.

BELIAU JUGA MENGGESA IBU BAPA SUPAYA SUPAYA MEMERHATI GERAK-GERI ANAK-ANAK MEREKA DAN MEMASTIKAN MEREKA BENER-BENAR KE SEKOLAH DAN PULANG SELEPAS SEKOLAH BAGI MENCEGAH MEREKA DARIPADA TERLIBAT DALAM MASALAH ITU.

KEPADA GURU-GURU, BELIAU BERKATA MEREKA HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN BUKAN SAHAJA PENDIDIK UNTUK MENYAMPAIKAN PELAJARAN TETAPI JUGA MEMBERIKAN PIMPINAN DI LUAR MASA SEKOLAH BAGI MENGELAKKAN PARA PELAJAR DARIPADA TERJERUMUS DALAM KEGIATAN YANG TIDAK SIHAT.

MEREKA HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN KEPADA DISIPLIN PARA PELAJAR BAGI MEMASTIKAN MEREKA MENJADI WARGANEGARA YANG BETUL-BETUL LENGKAP DENGAN PENGETAHUAN DAN NILAI-NILAI YANG MULIA SUPAYA MENJADI BANGSA YANG DIHORMATI OLEH DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN IBU BAPA SUPAYA TIDAK MEMASAKI PIHAK SEKOLAH JIKA ANAK-ANAK MEREKA DIBERI TUGAS MEMBERSIHKAN KAWASAN SEKOLAH DAN BILIK DARJAH MASING-MASING.

KATANYA, INI MERUPAKAN SATU USAHA UNTUK MEMUPUK SEMANGAT ANAK-ANAK MENGENAI KEBERSIHAN DIRI DAN SEKOLAH MEREKA. -- LAGI
2012MST 03 10 87

B 8767 AAB

MAHATHIR - DADAH 3 KUALA TERENGGANU

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOR, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, DATUK SETIA WANGSA HAJI ABDUL RAHMAN NASIR DAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT DAN KETUA-KETUA JABATAN.

MALAM INI, DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DI KEDIAMAN MENTERI BESAR.

ESOK, BELIAU AKAN MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH AJIL, HULU TERENGGANU, DAN KEMUDIAN MELAWAT PULAU PERHENTIAN, DEKAT BESUT. BELIAU AKAN MENGADAP SULTAN TERENGGANU PADA ISNIN INI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR. -- BERNAMA
2016MST 03 10 87